A

MUHAMMAD MUHAIMIN YAUZA & YANG LAIN
lwn. JK MAIZATULNIZA MAT JAIS & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
MOHD YAZID MUSTAFA H
[GUAMAN NO: 21NCVC-05-03-2013]
B 25 FEBRUARI 2016

TORT: *Kecuaian – Ganti rugi – Liabiliti – Kecuaian perubatan – Pelajar mengalami kecacatan kekal selepas menerima suntikan Anti Tetanus Toxoid ('ATT') – Sama ada keizinan daripada bapa atau penjaga pelajar diperolehi sebelum*
C *suntikan diberikan – Sama ada jururawat cuai – Sama ada pihak sekolah cuai kerana tidak memaklumkan tentang suntikan kepada bapa pelajar – Sama ada defendan-defendan cuai 100%*

TORT: *Kecuaian – Kecuaian vikarius – Pelajar mengalami kecacatan kekal selepas*
D *menerima suntikan Anti Tetanus Toxoid ('ATT') – Kecuaian perubatan – Sama ada keizinan daripada bapa atau penjaga pelajar diperolehi sebelum suntikan diberikan – Sama ada pihak sekolah memastikan pelajar sihat dan boleh disuntik – Sama ada defendan kelima sebagai badan pentadbir sekolah bertanggungan secara vikarius – Sama ada kecuaian vikarius dibuktikan*

E Plaintif pertama adalah seorang pelajar di Maktab Rendah Sains Mara Muadzam Shah ('MRSM Muadzam Shah') dan plaintif kedua dan ketiga adalah bapa dan ibu plaintif pertama. Pada 3 November 2011, plaintif pertama diberikan suntikan Anti Tetanus Toxoid ('ATT') di Klinik Kesihatan Ibu Anak Muadzam Shah Jengka ('klinik kesihatan') oleh
F defendan pertama, seorang jururawat di klinik kesihatan tersebut. Ekoran daripada suntikan tersebut, plaintif pertama mengalami kecacatan kekal iaitu, plaintif pertama lumpuh dari paras dada ke bawah dan hanya berupaya menggerakkan sebahagian tangan kiri, tangan kanan dan jari kiri. Oleh itu, plaintif-plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan-defendan bagi kecuaian. Plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan-defendan telah
G melakukan pencerobohan ke atas diri plaintif pertama apabila tidak mendapatkan izin plaintif-plaintif yang membenarkan suntikan ATT dibuat. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah (i) sama ada kecederaan quadriplegic yang dialami disebabkan suntikan ATT; (ii) sama ada terdapat keizinan daripada plaintif pertama atau plaintif kedua
H sebelum suntikan ATT diberikan; (iii) sama ada terdapat kecuaian di pihak jururawat sebelum suntikan ATT diberikan kepada plaintif pertama; dan (iv) sama ada terdapat kecuaian vikarius dan 'tortious liability' pada pihak defendan keempat dan kelima.

Diputuskan (defendan-defendan bertanggungan 100%):

I

(1) Tidak dipertikaikan bahawa plaintif pertama adalah seorang pelajar yang sihat dan aktif sebelum menerima suntikan ATT pada 3 November 2010. Keterangan SP1, doktor yang merawat dan menyediakan laporan

perubatan, tidak dicabar oleh pihak defendan. Keterangan SP1 juga konsisten dan disokong oleh laporan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan. Oleh itu, kecederaan quadriplegic yang dialami adalah disebabkan suntikan ATT. (perenggan 27-34)

(2) Suntikan ATT yang dilaksanakan oleh defendan pertama ke atas plaintif pertama adalah tanpa keizinan plaintif pertama dan plaintif kedua. Kehadiran plaintif pertama ke klinik kesihatan bukan atas kerelaannya dan tiada ruang untuk plaintif pertama mengelak daripada suntikan ATT tersebut. Plaintif kedua tidak pernah menandatangani surat atau memberikan izin untuk anaknya menerima suntikan ATT. Malahan pihak MRSM Muadzam Shah tidak pernah memaklumkan kepada plaintif kedua bahawa plaintif pertama akan menerima suntikan ATT yang dijadualkan pada 1 dan 2 November 2010 di MRSM. (perenggan 39, 40, 41 & 44)

(3) Defendan pertama sepatutnya mendapat pengesahan daripada warden asrama MRSM Muadzam Shah tentang sama ada plaintif pertama atau penjaganya telah memberi keizinan untuk suntikan ATT dan bukan bergantung kepada P5 yang ditandatangani oleh warden. Tindakan defendan pertama yang hanya mengambil suhu badan plaintif pertama dan kemudian melaksanakan suntikan ATT tidak wajar. Defendan pertama sepatutnya merujuk kes plaintif pertama kepada defendan kedua, doktor yang bertugas, memandangkan plaintif pertama mengalami demam sehari sebelumnya. Defendan pertama juga, dalam pemeriksaan balasnya, mengakui bahawa dia tidak sepatutnya memberikan suntikan kepada plaintif pertama. (perenggan 47-49)

(4) Pihak sekolah, selepas menerima surat daripada klinik kesihatan, sepatutnya memastikan plaintif pertama adalah sihat untuk membolehkannya disuntik. Perkara ini, ditambah dengan kegagalan memperoleh keizinan daripada penjaga plaintif pertama, menjadikan defendan keempat dan kelima turut bertanggungan ke atas kecacatan kekal yang dialami oleh plaintif pertama. (perengan 52, 53 & 55)

(5) Dengan itu, kesemua defendan diputuskan bertanggungan 100% ke atas keadaan plaintif pertama. Defendan pertama, kedua dan ketiga diputuskan bertanggungan pada kadar 50%. Defendan kelima, pada semua masa material, adalah sebuah badan berkanun yang menaungi/mengelola dan mempunyai kuasa pentadbiran terhadap defendan keempat dan bertanggungan secara vikarius terhadap salah laku defendan keempat. Defendan keempat dan kelima diputuskan bertanggungan pada kadar 50%. (perenggan 54, 56 & 57)

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Majuikan Sdn Bhd v. Barclays Bank PLC [2014] 9 CLJ 337 CA ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif-plaintif - Saleh Abbas, Fathin Najwa Idris & Mohd Hafiz Abdul Haris
Bagi pihak defendan 1-3 - Puan Azalina Mahmud, PKP; Nur Hanisah, PP
Bagi pihak defendan 4-5 - Zurina Abdul Rahman

B *Dilaporkan oleh S Barathi*

PENGHAKIMAN

Mohd Yazid Mustafa H:

C **[1]** Dalam tahun 2010, plaintif pertama pada masa yang material itu, adalah seorang pelajar Tingkatan 3 di Maktab Rendah Sains Mara Muadzam Shah. Manakala plaintif kedua adalah bapa kepada plaintif pertama dan plaintif ketiga merupakan ibu kepada plaintif pertama.

D **[2]** Pada 3 November 2010 plaintif pertama telah mendapat suntikan ATT di bahu kanan di Klinik Kesihatan Ibu Anak Muadzam Shah Jengka (selepas ini dikenali sebagai klinik kesihatan). Suntikan tersebut dilakukan oleh JK Maizatulniza binti Mat Jais (selepas ini dikenali sebagai defendan pertama) iaitu seorang jururawat dan juga seorang kakitangan Kerajaan di klinik kesihatan.

E **[3]** Ekoran daripada suntikan tersebut, pada 8 November 2010 plaintif pertama telah mengalami kesakitan dan kesukaran untuk menggerakkan anggota badannya. Plaintif pertama dibawa ke Klinik Gong Penaga, Jerteh, Terengganu yang kemudiannya dirujukkan ke Hospital Jerteh. Kemudiannya selepas itu plaintif pertama dipindah dan dihantar ke Hospital Universiti Sains Kubang Kerian.

F **[4]** Plaintif pertama telah menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Kubang Kerian mulai 8 November 2010 sehingga 4 Januari 2011. Plaintif telah disahkan telah mengalami kecacatan kekal "Post Vaccination (TT) Myeloradiculopathy Resolved Aspiration Pneumonia with Right Pleural Effusion", iaitu plaintif pertama mengalami kelumpuhan daripada paras dada ke bawah dan hanya berupaya menggerakkan sebahagian tangan kiri, tangan kanan dan jari kiri.

G **[5]** Pada 27 Mac 2013, plaintif-plaintif telah memfailkan writ saman dan tuntutan ke atas Kementerian Kesihatan dan juga Majlis Amanah Raya dengan menamakan JK Maizatulniza binti Mat Jais, jururawat di klinik kesihatan sebagai defendan pertama, dan Dr Azuan Halim bin Abd Wahab, pegawai perubatan di klinik kesihatan yang bertugas semasa plaintif pertama menerima suntikan ATT sebagai defendan kedua dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan ketiga. Pengetua Maktab Rendah Sains Mara Muadzam

H

I

Shah, pada masa yang material iaitu Che Mohd Fauzi bin Che Omar dijadikan sebagai defendan keempat. Manakala majikannya iaitu Majlis Amanah Raya dijadikan sebagai defendan kelima.

[6] Antara lain, plaintif-plaintif menuntut ganti rugi khas, ganti rugi am, ganti rugi teladan, ganti rugi teruk, faedah dan kos ekoran kecuaian defendan-defendan yang menyebabkan plaintif pertama telah lumpuh setelah menerima suntikan ATT.

[7] Semasa perbicaraan, pihak-pihak telah bersetuju untuk mahkamah memutuskan isu liabiliti sahaja. Sekiranya isu liabiliti berpihak kepada plaintif-plaintif, tafsiran ganti rugi akan didengar/diputuskan oleh Penolong Kanan Pendaftar atau Timbalan Pendaftar.

[8] Melalui cadangan pindaan writ saman di perenggan 21(a), plaintif-plaintif telah memplidkan:

> Plaintif-Plaintif menyatakan bahawa Defendan-Defendan tidak pernah atau pada masa-masa material mendapatkan persetujuan (consent) secara lisan atau bertulis daripada Plaintif-Plaintif yang membenarkan suntikan ATT dibuat ke atas Plaintif Pertama.

[9] Di perenggan 21(b) plaintif-plaintif seterusnya memplidkan bahawa defendan-defendan telah melakukan "trespass to person" iaitu pencerobohan ke atas diri plaintif pertama apabila tidak mendapatkan izin (consent) plaintif-plaintif yang membenarkan suntikan ATT dibuat.

[10] Di perenggan 22, plaintif-plaintif telah menyatakan defendan-defendan dengan salah laku dan cuai memberi suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) kepada plaintif pertama dan kecuaian-kecuaian defendan-defendan adalah sebagaimana berikut:

> BUTIR-BUTIR KECUAIAN DAN SALAH LAKU PENCEROBOHAN (TRESPASS) TO PERSON OLEH DEFENDAN-DEFENDAN
>
> i. Gagal mempastikan bahawa suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) adalah sesuai digunakan kepada Plaintif Pertama.
>
> ii. Gagal mempastikan suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) adalah tidak memberi kesan sampingan kepada Plaintif Pertama.
>
> iii. Gagal membuat pemeriksaan yang rapi bagi mempastikan suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) adalah sesuai dan tidak menjejaskan kesihatan Plaintif Pertama.
>
> iv. Gagal melaksanakan kecermatan perubatan yang munasabah.
>
> v. Gagal mengambil apa-apa langkah-langkah yang seesuai dan wajar bagi mengelakkan kecederaan yang dialami oleh Plaintif Pertama.
>
> vi. Gagal memastikan kawasan tempat suntikan diberi adalah selamat.
>
> vii. Gagal memastikan sama ada Plaintif Pertama mempunyai sebarang alahan ubat atau makanan.

viii. Gagal memastikan Plaintif Pertama menerima nasihat yang sewajarnya berkaitan rawatan susulan jika berlaku komplikasi akibat suntikan.

ix. Gagal memastikan bahawa kebenaran (consent) untuk suntikan ATT telah diberi oleh Plaintif-Plaintif

x. Jika ada (consent) yang diberi tidak sah dan berkuat kuasa.

xi. Defendan-Defendan telah melakukan "trespass to person" iaitu pencerobohan ke atas diri Plaintif Pertama apabila tidak mendapatkan kebenaran (consent) Plaintif-Plaintif yang membenarkan suntikan ATT dibuat.

[11] Defendan pertama, kedua dan ketiga menafikan keseluruhan butir-butir kecuaian mereka sebagaimana yang diplidkan oleh plaintif-plaintif. Defendan pertama, kedua dan ketiga menyatakan bahawa mereka tidak cuai dalam melaksanakan suntikan tersebut dengan memplidkan butiran-butiran berikut.

i. Bahawa semasa Unit Kesihatan Sekolah hadir ke Maktab Rendah Sains Mara Muadzam Shah untuk melaksanakan suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) pada 01.11.2010, Plaintif Pertama gagal disuntik kerana menghilangkan diri;

ii. Bahawa semasa kehadiran Unit Kesihatan Sekolah ke Maktab Rendah Sains Mara Muadzam Shah pada 2.11.2010 untuk tujuan yang sama Plaintif Pertama masih gagal disuntik. Defendan Pertama dimaklumkan Plaintif Pertama telah pergi ke hospital;

iii. Bahawa pada 3.11.2010 Plaintif Pertama bersama 8 pelajar yang lain (yang belum disuntik) telah dibawa ke Klinik Kesihatan lbu Anak Muadzam Shah untuk menerima suntikan ATT bersama-sama Borang Persetujuan Perkhidmatan Kesihatan dan Imunisasi;

iv. Bahawa Plaintif Pertama telah disuntik ATT oleh Defendan Pertama pada 3.11.2010 tersebut;

v. Bahawa sebelum suntikan ATT dijalankan, penerangan ringkas telah diberikan kepada 8 orang pelajar yang hadir berkaitan apakah suntikan imunisasi yang akan diberikan, penyakit-penyakit yang akan dicegah melalui imunisasi tersebut, tempat dan cara pemberian imunisasi, kesan sampingan dan cara jagaan selepas suntikan imunisasi;

vi. Bahawa sebelum Plaintif Pertama disuntik, Defendan Pertama telah menanya Plaintif Pertama tentang keadaan kesihatan beliau dan mengapa beliau pergi ke hospital hari sebelumnya. Plaintif Pertama memaklumkan beliau tidak sihat pada 2.11.2010 dan pada hari tersebut (3.11.2010) Plaintif mengaku telah sihat;

vii. Bahawa Defendan Pertama telah mengambil suhu badan Plaintif Pertama dan didapati berukuran 37 Darjah Celcius;

viii. Bahawa Plaintif Pertama juga mengaku tiada alahan terhadap sebarang ubatan dan makanan serta tiada sebarang masalah kesihatan;

ix. Bahawa suntikan ATT telah diberi kepada 9 orang pelajar (termasuk Plaintif Pertama) dengan menggunakan vaksin ATT dengan setiap pelajar diberi suntikan sebanyak 0.5 ml AU;

x. Bahawa kesembilan pelajar yang telah menerima suntikan ATT diberi rehat selama 30 minit sebelum pulang ke sekolah semula dengan kenderaan sekolah. Tiada sebarang aduan diterima dari Plaintif Pertama serta 8 pelajar yang lain.

[12] Juga di perenggan 14 pernyata pembelaan, defendan pertama, kedua dan ketiga menegaskan suntikan Anti Tetanus Toxoid (ATT) ke atas plaintif pertama oleh defendan pertama telah dilaksanakan mengikut amalan kemahiran yang munasabah serta mengikut amalan perubatan yang diterima pakai pada masa yang material.

[13] Defendan keempat dan kelima dalam pernyataan pembelaan juga menafikan bahawa mereka bertanggungan secara tindakan vicarious terhadap apa salah laku atau tortious act yang dilakukan oleh defendan keempat dan defendan kelima.

[14] Defendan keempat memplidkan bahawa beliau menghantar plaintif pertama ke klinik Muadzam Shah berdasarkan arahan yang diterima daripada defendan pertama melalui surat bertarikh 22 Oktober 2010.

[15] Defendan keempat juga memplidkan plaintif kedua (bapa kepada plaintif pertama) secara sukarela telah menandatangani surat keizinan rawatan dan pembedahan gigi pada 30 April 2010 yang mana rawatan yang dimaksudkan itu termasuk menjalankan pembedahan dan memberi bius umum atau pelali bahagian tempat atau lain-lain bagi apa-apa rawatan tersebut. Defendan keempat dan kelima juga memplidkan bahawa plaintif kedua juga telah menandatangani satu surat kebenaran menyertai aktiviti maktab yang mana ia termasuklah membenarkan plaintif pertama untuk mendapatkan imunisasi suntikan tersebut. Defendan keempat dan kelima, antara lain, memplidkan plaintif kedua juga telah bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan mahkamah terhadap defendan keempat dan kelima sekiranya sesuatu perkara di luar dugaan atau kemalangan berlaku di luar dugaan. Ini termasuk aktiviti pelalian imunisasi tersebut, di mana defendan keempat dan kelima akan berpegang kepada surat persetujuan tersebut.

[16] Defendan keempat dan kelima seterusnya memplidkan bahawa mereka tidak terlibat langsung semasa suntikan pelalian dilakukan dan mereka tidak sewajarnya dijadikan pihak-pihak di dalam tindakan ini.

A **[17]** Dalam kes ini saya mendapati adalah wajar diperturunkan keterangan plaintif pertama untuk menentukan sama ada kecatatan kekal yang dialami oleh beliau ekoran kecuaian defendan-defendan.

[18] Keterangan plaintif pertama dapat diringkaskan sebagaimana berikut. Pada 1 hingga 2 November 2010 pelajar-pelajar Tingkatan 3 di Sekolah
B MRSM Muadzam Shah diarahkan oleh pihak sekolah untuk mendapatkan suntikan ATT yang akan diadakan di sekolah. Kesemua pelajar-pelajar Tingkatan 3 menerima suntikan tersebut kecuali plaintif pertama dan beberapa orang kawannya. Plaintif pertama bersama beberapa kawannya telah menghilangkan diri pada 1 dan 2 November 2010.

C **[19]** Pada 3 November 2010, plaintif pertama menyatakan beliau telah dipaksa oleh pihak sekolah untuk menerima suntikan tersebut di mana pada pagi tersebut pelajar-pelajar yang belum menerima suntikan telah dikumpulkan dan kemudiannya dimasukkan ke dalam van sekolah lalu dihantar ke klinik kesihatan untuk disuntik ATT. Plaintif pertama dalam
D keterangannya di mahkamah menyatakan bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa bersetuju untuk pergi ke klinik kesihatan pada 3 November 2010 untuk disuntik ATT kerana takut. Plaintif pertama juga menyatakan semasa beliau dibawa ke klinik kesihatan, tidak ada guru pengiring yang pergi bersama plaintif pertama dan rakan-rakannya.

E **[20]** Apabila sampai di klinik kesihatan, plaintif pertama menyatakan beliau telah diarahkan untuk menimbang berat badannya sebelum disuntik ATT dan tiada lain-lain ujian yang dibuat oleh pihak klinik kesihatan atau oleh defendan pertama.

F **[21]** Plaintif pertama menyatakan pada 3 November 2010 beliau sihat, tidak demam, tidak batuk, tidak selsema dan tiada mempunyai lain-lain penyakit. Beliau telah disuntik di bahagian bahu oleh defendan pertama. Selepas disuntik plaintif pertama, defendan pertama ada memberitahu beliau bahawa selepas dua hingga tiga hari suntikan diberi, plaintif pertama akan
G merasa lenguh di bahagian bahu yang disuntik.

[22] Plaintif pertama juga menyatakan tidak ada doktor di dalam bilik tempat di mana beliau disuntik. Plaintif pertama menyatakan beliau tidak ingat nama jururawat yang menyuntiknya. Selepas disuntik, plaintif pertama dibawa balik ke asrama dengan menaiki van sekolah bersama dengan rakan-
H rakannya.

[23] Lima hari selepas disuntik, plaintif pertama menyatakan beliau tidak merasai apa-apa perubahan atau kesakitan. Selepas lima hari, plaintif pertama pulang ke rumah kerana cuti persekolahan akhir tahun bermula. Dua hari selepas berada di rumah, plaintif pertama menyatakan beliau
I merasai tidak sihat di mana beliau merasa lenguh-lenguh di bahagian bahu yang disuntik. Tidak lama kemudian, plaintif pertama menyatakan beliau

tidak berupaya untuk mengangkat tangan dan susah untuk makan. Beliau kemudiannya dibawa oleh ibunya, plaintif ketiga ke Klinik Gong Penaga. Pada masa itu plaintif pertama menyatakan beliau tidak boleh memusingkan lehernya kerana sakit dan beliau berjalan dalam keadaan huyung hayang. Selepas badannya dinaikkan ke atas katil, kaki kanannya tidak boleh bergerak dan diikuti oleh kaki kirinya. Pada masa itu hanya tangan kanannya sahaja yang boleh bergerak.

[24] Daripada Klinik Gong Penaga, plaintif pertama kemudiannya dihantar ke Hospital Jerteh. Pada pukul 6 petang, tangan kirinya tidak lagi boleh diangkat. Pihak hospital memasukkan air ke dalam tubuh badannya. Pada jam 7 petang, plaintif pertama dihantar ke Hospital Universiti Sains Kubang Kerian dan pada masa itu beliau tidak lagi berupaya untuk bangun. Plaintif pertama menyatakan beliau telah berada di Hospital Universiti Sains Kubang Kerian selama 58 hari.

[25] Setelah mendengar keterangan-keterangan daripada saksi-saksi, meneliti ikatan pliding, dokumen-dokumen serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan dan menghalusi hujahan lisan dan bertulis pihak-pihak, mahkamah memutuskan plaintif pertama menghadapi lumpuh adalah ekoran daripada suntikan ATT yang diterima pada 3 November 2010. Mahkamah membenarkan tuntutan plaintif dan mendapati pihak defendan pertama, kedua dan ketiga telah cuai dan bertanggungan sebanyak 50%. Manakala defendan keempat dan kelima turut sama cuai dan juga bertanggungan sebanyak 50%.

Isu-isu

[26] Saya mendapati dalam kes ini adanya empat isu iaitu:

(i) sama ada kecederaan quadriplegic yang dialami adalah disebabkan suntikan ATT?

(ii) sama ada wujudnya izin daripada plaintif pertama atau bapanya plaintif kedua sebelum suntikan ATT dijalankan ke atas plaintif pertama.

(iii) sama ada wujudnya kecuaian di pihak jururawat (defendan pertama) sebelum suntikan ATT dijalankan ke atas plaintif pertama.

(iv) sama ada wujudnya kecuaian vicarious dan tortious liability di pihak defendan keempat dan kelima.

Isu Pertama

[27] Saya mendapati kecederaan quadriplegic yang dialami adalah disebabkan suntikan ATT berdasarkan alasan-alasan berikut. Pertama, saya menerima keterangan Dr John Tharakan KJ (SP1). Beliau merupakan profesor dan Senior Consultant Neurologist di USM. Beliau adalah doktor

yang merawat dan beliau juga telah menyediakan laporan perubatan yang ditandakan sebagai eks. P1. Saya mendapati keterangan SP1 tidak dicabar oleh Peguam Kanan Persekutuan (rujuk pemeriksaan balas ke atas SP1 di ms. 6-8). Ekoran daripada itu saya menerima keterangan SP1. SP1 dalam keterangannya mengesahkan kecederaan quadriplegic yang dialami oleh plaintif pertama adalah disebabkan suntikan ATT. Di dalam reportnya, SP1 menyatakan:

> Post Vaccinial complications like Myelitis, Polyradiculopaty and combination of the two-Myeloradiculopathy are well-recognised and reported, although very rare. Unfortunately, there are no means to predict who is likely to develop these complications and no screening test available. Nature of his illness and prognosis was explained to the parents.

[28] Kedua, saya mendapati pendapat SP1 adalah konsisten dan juga disokong oleh laporan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) iaitu exh. D12. Di ms. 5 perenggan 5 eks. D12 dinyatakan:

> Penilaian kes Aefi oleh Jawatankuasa Penasihat kesan advers Ubat Kebangsaan (MADRAC) that it is possible that the medical problem suffered by MM was caused by the ATT vaccine.

[29] Ketiga, dapatan SP1 juga disokong oleh Lampiran F (rujuk ms. 16 Bundle S), report oleh BPFK, yang dibaca sebagaimana berikut:

> When there is a reasonable time relationship to the drug intake, the condition must be that the drug is likely or probably the cause of it.

[30] Peguam cara plaintif di dalam hujahan bertulisnya menyatakan:

> (i) We submit that clarification made by BPFK should appropriately be either Certain (C1) or at least likely/probable (C2) because:
>
> (a) The event occurred with plausible time relationship (5 days) and with no other drugs having been used in the interval. Plausible is reasonable.
>
> (b) How can it be explained that when a healthy boy become quadriplegic after receiving the ATT injection 5 days either. No drug or other medication was given to him in the interval. No explanation can be given. This is just like a bag of cement fell on the platform which falls on the person passing-this is the case "*Res Ipsa Loquitor*".
>
> (ii) By the doctrine *Res Ipsa Loquitor*, it is the Defendants to prove that there was no negligence in their part. (Refer to *Law of Tort* by Sir PH Winfield Fifth Edition)
>
> (iii) Submitted: No such proof by the Defendants

Saya bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif dan menerima pakai hujahan ini.

[31] Keempat, saya juga mendapati keterangan Datuk Dr Hussain Iman Haji Mohd Ismail (SD1) gagal mencabar keterangan dan dapatan SP1. SD1 dalam keterangannya mengakui data yang dikemukakan adalah tidak mencukupi untuk beliau membuat rumusan sama ada kecacatan yang dialami oleh plaintif pertama adalah disebabkan suntikan ATT, di mana SD1 dalam keterangannya menyatakan "he cannot conclude that neurological problem suffered by MM was caused by ATT injection given on 3 November 2010".

[32] Kelima, saya mendapati dua saksi defendan pertama, kedua dan ketiga iaitu SD1 dan SD2, atas imbangan kebarangkalian, gagal mencabar keterangan SP1.

[33] Dalam kes *Majuikan Sdn Bhd v. Barclays Bank PLC* [2014] 9 CLJ 337, Mahkamah Rayuan menyatakan sebagaimana berikut:

> We are in agreement with these principles and in our view, a judge who is not an expert himself, should defer to expert opinion unless that evidence is obviously indefensible and is not supported by the basic facts of the case. Where there are conflicting expert opinion, the judge is of course entitled to bring to bear his own judicial appreciation of the matter, and choose one over the other, but where there is only one expert opinion, he should not as a rule reject that opinion outright without judiciously considering whether it is obviously indefensible and unsupported by the basic facts of the case. Such a principle is in accord with the principle that the court is the final *obiter*, as stated on *Dr Shanmuganathan v. Periasamv Sithambaram Pillai* [1997] 2 CLJ 153; [1997] 3 MLJ 61;
>
> ... the principal object of expert evidence is to assist the court to form its own opinion. An expert, should give his reasons. The court is the final arbiter, not the experts or witnesses... The learned Judge should have considered the reasoning given by the expert and with that assistance arrive at the conclusion. In failing to do so the learned Judge had abdicated his function. The learned Judge is entitled to reject the evidence but not before considering such evidence ...

[34] Akhirnya, saya mendapati fakta yang tidak dipertikaikan adalah plaintif pertama sebelum menerima suntikan ATT pada 3 November 2010 adalah seorang pelajar yang sihat dan aktif.

Isu Kedua

[35] Saya juga mendapati jawapan kepada isu kedua adalah positif berdasarkan alasan-alasan berikut.

[36] Saya telah menghuraikan keterangan plaintif pertama dengan panjang lebar. Saya mendapati plaintif pertama bersama dengan lima rakannya menghilangkan diri pada 1 hingga 2 November 2010 kerana takut dan tidak mahu dirinya disuntik dengan suntikan ATT.

[37] Saya menerima keterangan plaintif pertama bahawa pada 3 November 2010 beliau tidak dapat mengelak daripada diberikan suntikan ATT di klinik kesihatan. Plaintif pertama dan rakan-rakannya dibawa ke klinik kesihatan pada 3 November 2010 adalah untuk memastikan kesemua semua pelajar-pelajar Tingkatan 3 MRSM Muadzam Shah menerima suntikan ATT. Plaintif pertama tidak mempunyai hak dan ruang untuk membantah kerana selepas dikumpul, plaintif pertama dan rakan-rakannya terus dibawa menaiki van sekolah ke klinik kesihatan tanpa diiringi oleh guru MRSM Muadzam Shah.

[38] Saya juga menerima keterangan plaintif pertama semasa sampai di klinik, selepas ditimbang, plaintif pertama telah disuntik ATT oleh defendan pertama.

[39] Saya mendapati kehadiran plaintif pertama ke klinik kesihatan adalah bukan atas kerelaannya. Saya mendapati tidak ada ruang untuk plaintif pertama mengelak daripada disuntik ATT.

[40] Isu seterusnya adalah sama ada plaintif kedua memberi izin anaknya plaintif pertama disuntik ATT. Saya menerima keterangan plaintif kedua bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa yang material menandatangani surat atau memberi izin anaknya plaintif pertama disuntik ATT.

[41] Saya juga menerima keterangan plaintif kedua bahawa pihak MRSM Muadzam Shah tidak pernah memaklumkan kepada beliau bahawa anaknya plaintif pertama akan menerima suntikan ATT yang dijadual pada 1 dan 2 November 2010 di MRSM.

[42] Saya menolak keterangan saksi defendan keempat dan kelima bahawa pihak MRSM Muadzam Shah telah memperolehi izin dari plaintif pertama dan juga plaintif kedua sebelum suntikan ATT dilaksanakan ke atas plaintif pertama.

[43] Saya menerima hujahan peguam cara plaintif bahawa eks. D5, D6 dan D7 bukannya borang-borang yang menunjukkan adanya izin dari plaintif pertama atau plaintif kedua untuk suntikan ATT dilaksanakan ke atas plaintif pertama. Saya telah membaca dan meneliti ekshibit-ekshibit ini dan mendapati ianya tidak terpakai untuk suntikan ATT.

[44] Berdasarkan fakta-fakta dan keadaan kes ini, saya mendapati suntikan ATT yang dilaksanakan oleh defendan pertama ke atas plaintif pertama adalah tanpa keizinan plaintif pertama dan juga plaintif kedua.

Isu ketiga

[45] Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, saya juga berpuas hati jawapan kepada isu ketiga adalah juga positif.

[46] Saya mendapati defendan pertama telah cuai dalam melaksanakan suntikan ke atas plaintif berdasarkan alasan-alasan berikut. Pertama, defendan pertama sepatutnya mengesahkan dari warden asrama MRSM Muadzam Shah sama ada plaintif pertama atau penjaganya telah memberikan keizinan bagi beliau melaksanakan suntikan ATT ke atas plaintif pertama.

[47] Keduanya, defendan pertama tidak boleh bergantung kepada P5 yang ditandatangani oleh warden dan bukannya ditandatangani oleh penjaga pelajar. Defendan pertama sepatutnya mendapat pengesahan dari pihak MRSM Muadzam Shah ke atas status P5. Apa yang jelas defendan pertama telah tidak cermat dalam menerima P5 untuk membolehkan beliau melaksanakan suntikan ATT ke atas plaintif pertama.

[48] Ketiga, defendan pertama adalah jururawat yang melaksanakan suntikan ATT ke atas pelajar-pelajar MRSM Muadzam Shah pada 1 hingga 2 November 2010. Defendan pertama mengetahui plaintif pertama telah menghilangkan diri pada 1 November 2010 dan pada 2 November 2010 plaintif pertama telah pergi ke hospital kerana demam. Saya mendapati tindakan defendan pertama yang hanya mengambil suhu badan dan selepas itu melaksanakan suntikan ATT adalah tidak wajar. Defendan pertama sepatutnya merujuk kes plaintif pertama kepada doktor iaitu defendan kedua untuk pengesahan berdasarkan sejarah plaintif pertama yang berada dalam pengetahuan defendan pertama untuk pengesahan sama ada suntikan ATT boleh diteruskan atau tidak.

[49] Kelima, defendan pertama juga semasa dalam pemeriksaan balas mengakui dia sepatutnya tidak memberikan suntikan kepada plaintif pertama.

Isu Keempat

[50] Sama ada defendan keempat dan kelima turut sama cuai?

[51] Saya memutuskan pada 3 November 2010 tiada izin diperolehi sama ada daripada plaintif pertama atau plaintif kedua sebelum plaintif pertama disuntik ATT. Ekoran daripada itu, wujudnya kecuaian di pihak sekolah dengan menghantar plaintif pertama ke klinik kesihatan untuk disuntik dengan suntikan ATT. Pihak sekolah sepatutnya menyiasat kenapa plaintif pertama menghilangkan diri pada 1 dan 2 November 2010. Defendan kelima dan keenam sepatutnya menanyakan plaintif pertama tentang keadaan kesihatan beliau dan mengapakah beliau pergi ke hospital pada 2 November 2010.

[52] Walaupun pihak sekolah menerima surat bertarikh 22 Oktober 2010 daripada klinik kesihatan, pihak sekolah sepatutnya memastikan plaintif pertama adalah sihat untuk membolehkan beliau disuntik dengan suntikan ATT. Tindakan plaintif pertama, yang memprotes dengan menghilangkan

diri pada 1 November 2010 dan pergi ke hospital pada 2 November 2010 memerlukan defendan keempat membuat siasatan sebelum bertindak mengumpul plaintif pertama bersama-sama rakan-rakannya yang belum lagi membuat suntikan ATT untuk dihantar ke klinik kesihatan.

[53] D6 dan D7 tidak dapat melepaskan tanggungan defendan keempat dan defendan kelima daripada kecuaian. Saya mendapati surat-surat tersebut bukan merupakan surat izin daripada penjaga plaintif pertama yang membenarkan plaintif pertama menerima suntikan ATT.

[54] Defendan kelima pada semua masa yang material adalah sebuah badan berkanun yang menaungi/mengelola dan mempunyai kuasa pentadbiran terhadap defendan keempat dan bertanggungan secara tindakan (vicarious liability) terhadap apa-apa salah laku atau tortious act yang dilakukan oleh defendan keempat.

[55] Saya merumuskan defendan keempat dan kelima turut sama bertanggungan (contributed) ke atas kecacatan kekal yang dialami oleh plaintif pertama ekoran daripada suntikan ATT atas kadar 50%.

[56] Ekoran daripada itu saya memutuskan liabiliti kedua-dua pihak iaitu defendan pertama, kedua dan ketiga adalah bertangungan 50%. Manakala defendan keempat dan kelima juga bertanggungan 50% ke atas kecacatan yang dialami oleh plaintif pertama.

[57] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan defendan-defendan didapati 100% bertanggungan ke atas kecederaan kekal yang dialami oleh plaintif pertama. Dengan itu saya membenarkan tuntutan plaintif-plaintif ke atas defendan-defendan dengan kos sebanyak RM10,000 dan memerintahkan ganti rugi ditafsirkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu.